



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PELUNCURAN PROGRAM STI 100³ MOSTI CATAT DUA REKOD KEBANGSAAN DALAM MALAYSIA BOOK OF RECORDS

KUALA LUMPUR, 7 Julai 2025 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini melakar sejarah tersendiri dengan mencipta dua rekod kebangsaan bersempena Majlis Peluncuran Program STI 100³ bertemakan “Saintis@Sekolah: Jom STI!”. Majlis penuh simbolik ini telah disempurnakan oleh YB Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, di Sekolah Menengah Kebangsaan Tiara Permai, Kuala Lumpur.

Dengan penglibatan serentak lebih 9,000 buah sekolah di seluruh negara yang melaksanakan aktiviti bersama saintis di premis sekolah masing-masing pada hari ini, Program STI 100³ Berjaya meraih dua (2) pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records (MBOR) melalui pencapaian rekod berikut:

- *Largest Scientist Participation in a Simultaneous ‘STEM’ Program: Scientists@Schools: Jom STI!*
- *Largest School Participation in a Simultaneous ‘STEM’ Program: Scientists@Schools: Jom STI!*

Program STI 100³ merupakan langkah strategik MOSTI dalam membina dan memperkuuh bakat STEM negara sejak peringkat awal persekolahan. Inisiatif ini dirangka bagi menyokong aspirasi YAB Perdana Menteri untuk memastikan pendidikan sains tidak lagi bersifat teori semata-mata, sebaliknya diperkasa melalui pendekatan interaktif dan kolaboratif yang melibatkan komuniti saintis secara langsung bersama para pelajar. Melalui aktiviti luar bilik darjah, murid-murid diberi peluang meneroka aplikasi sebenar sains, teknologi dan inovasi (STI) secara lebih bermakna dan menyeronokkan.



Sejak mula dilaksanakan pada September 2024, program ini telah mencatat pencapaian membanggakan dengan pelaksanaan dua (2) kitaran awal yang melibatkan 150 orang saintis dan 150 buah sekolah dari seluruh pelusuk negara. Menelusuri kesinambungan usaha tersebut, pelaksanaan Kitaran 1 Tahun 2025 kini sedang giat dijalankan dengan padanan seramai 83 orang saintis bersama 83 buah sekolah yang turut berada di bawah seliaan Kementerian Pendidikan (KPM).

Program STI 100³ merupakan manifestasi komitmen MOSTI dalam menyemai minat terhadap Sains, Teknologi dan Inovasi sejak di bangku sekolah, seiring pelaksanaan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021–2030 dan aspirasi Malaysia MADANI.

Menerusi pendekatan bersepada bersama KPM, institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan, industri dan NGO, program ini memperkuuh prinsip Whole of Government Approach dan memastikan akses pendidikan STEM yang menyeluruh dan inklusif. Oleh yang demikian, STI 100³ bukan sekadar platform pembelajaran, tetapi landasan strategik dalam membentuk generasi muda yang celik sains dan berupaya menerajui Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi menjelang 2030.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

07 JULAI 2025

